

## MEMACU KE HADAPAN

**Ketika kami maju ke hadapan dalam persekitaran yang pesat berkembang, kita tidak mudah berganjak daripada kekal menyumbang kepada pembangunan negara dan memastikan masa depan yang mampan, ke arah *Memajukan Malaysia*.**

Untuk itu, tumpuan kami kekal menjurus kepada melaksanakan pelaburan melalui pelbagai program, merancang penciptaan nilai serta peluang-peluang pengewangan pada penilaian yang sesuai dalam menghasilkan pulangan ekonomi yang mampan.

Ketika mengembangkan Portfolio Pelaburan, kami juga membina secara berterusan mandat pembangunan merangkumi pelaksanaan Dana Impak untuk memberikan impak sosioekonomi kepada negara.

Dengan mandat yang melangkaui pulangan kewangan, kami juga kekal komited untuk memberi impak kepada masyarakat Malaysia dengan Membina Kapasiti dan Komuniti Berdaya bersama-sama entiti gabungan kami.

Dalam masa yang sama, kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, akan terus memacu kemampanan dengan menerapkan pertimbangan ESG dalam proses pelaburan kami dan membina organisasi yang lestari melalui amalan budaya dan tingkah laku kami.

Secara keseluruhan semua usaha kami akan terus menumpukan kepada:

1	2	3	4	5
<b>Usaha penciptaan nilai</b> aset Malaysia yang kami laburkan	<b>Melaksanakan projek Dana Impak</b> , dengan berpandukan aplikasi <b>SEMARAK</b> , satu kaedah pengukuran impak	<b>Meneruskan pelaburan</b> di peringkat global, sambil mengekalkan pendekatan pengimbangan semula portfolio yang berdisiplin	<b>Melaksanakan Rangka Kerja Kemampanan</b> , sambil menggabungkan prinsip Peralihan Saksama	Menyampaikan nilai kemasyarakatan melalui <b>Membina Kapasiti dan Komuniti Berdaya</b> bagi manfaat rakyat Malaysia

